

NOTIS PEMATUHAN PERATURAN PAKAIAN PELAJAR UMCCED

Dimaklumkan kepada semua pelajar Diploma dan Diploma Eksekutif diminta untuk mematuhi peraturan pakaian pelajar Universiti Malaya yang diperuntukan kaedah 26, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang memberi garis panduan mengenai tatacara berpakaian dan penampilan diri yang sesuai untuk dipatuhi oleh semua pelajar.

1. Setiap pelajar diwajibkan **MEMAKAI KAD MATRIKS** semasa menghadiri/berada di seluruh Pejabat Pentadbiran Universiti termasuk bilik kuliah, dewan peperiksaan bilik seminar, perpustakaan atau majlis rasmi.
2. Semua pelajar dikehendaki mematuhi peraturan atau syarat pakaian yang telah ditetapkan khusus untuk tempat tertentu seperti di perpustakaan, makmal, gelanggang sukan, surau, dewan makan, di majlis rasmi universiti dan lain-lain.
3. Berpakaian kemas dan sopan, contoh; baju kemeja, baju kemeja T, berseluar panjang bagi lelaki dan berbaju kurung, kebaya labuh atau pakaian etnik masing-masing atau berpakaian menutup aurat bagi pelajar Muslim; dan
4. Bersepatu

PENGUATKUASAAN

Semua pegawai Universiti termasuk kakitangan pentadbiran, akademik, keselamatan dan perpustakaan adalah diberi kuasa memberi amaran dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan Universiti Malaya.

Harap maklum.

Sekian, terima kasih.

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
12 OKTOBER 2022